

11 MAR 1999

Sabah-Murut/(Fokus Berita)

MASYARAKAT MURUT TUKAR SELERA KERANA DR MAHATHIR

Oleh: Nizam Yatim

KEMABONG, 11 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak melupakan kaum Murut dalam ucapan-ucapannya mengenai Sabah telah menambat hati suku kaum Bumiputera ketiga terbesar itu di Sabah.

Pembantu Menteri Perhubungan dan Kerja Raya Datuk Rubin Balang yang akan mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Kemabong pada pilihan raya negeri berkata, kepekaan Perdana Menteri itu telah menyedarkan kaum Murut bahawa mereka tidak dilupakan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan.

"Ini berbeza sama sekali semasa pembangkang memerintah Sabah, kerana nama suku kaum Murut tidak pernah disebut dalam ucapan mereka," katanya.

Berdasarkan perangkaan tahun lepas, terdapat kira-kira 81,000 orang Murut di Sabah yang kebanyakannya tinggal di Bahagian Pendalaman iaitu di Bingkor, Pensiangan, Melalap dan Kemabong.

Rubin berkata, kepekaan Dr Mahathir turut dikongsi oleh timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang secara peribadi memilih Kemabong sebagai antara kawasan untuk dilawati semasa kempen pilihan raya.

Kemabong terletak 200 km ke selatan Kota Kinabalu dan mempunyai 77 peratus pengundi Murut.

Semasa berada di Kemabong Ahad lepas, Abdullah telah mengadakan pertemuan selama dua jam dengan kaum Murut di Dewan Masyarakat Kemabong dan meminta mereka terus memberi sokongan kepada Barisan Nasional (BN) yang tidak pernah mengabaikan kebajikan penduduk pendalaman Sabah.

Abdullah berkata, kaum itu juga perlu memberi sokongan kepada pemimpin-pemimpin Murut sedia ada seperti Rubin, bekas wakil rakyat Pensiangan Datuk Adib Sigoh dan dan Datuk Kadoh Agundong yang dicalonkan semula untuk kerusi Melalap (dahulunya Tenom) yang ikhlas memperjuang nasib kaum itu.

Rubin adalah antara tiga anggota Parti Bersatu Sabah (PBS) yang mula-mula keluar daripada parti itu pada 1994 untuk menyertai Umno, manakala Adib ialah Naib Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) sebuah parti komponen BN.

Kadoh pula pernah mendapat jolokan "giant killer" kerana menewaskan Ketua Menteri Sabah ketika itu, Datuk Harris Salleh dari parti Berjaya pada pilihan raya negeri 1985.

Kemunculan tiga tokoh itu sedikit sebanyak berjaya mengisi kekosongan kepimpinan yang ditinggalkan G.S Sundang, pemimpin karismatik kaum Murut yang telah mengasaskan Pasok Momogun, parti pertama kaum itu pada 1960-an.

-- BERNAMA

NY PR